

**Beri Perhatian Elemen Kepadatan Penduduk Dalam Pelan Pembangunan, Titah Raja Nazrin Bernama
26 April , 2012**

IPOH, 26 April (Bernama) -- Pihak berkuasa perlu memberi perhatian serius terhadap elemen kepadatan penduduk dalam meluluskan pelan pembangunan kawasan perumahan dan komersil bagi mengelak berlaku kesesakan lalu lintas dan masalah banjir, titah Raja Muda Perak Raja Dr Nazrin Shah pada Khamis.

Baginda bertitah kurang ketegasan di pihak berwajib dalam perkara itu adalah antara penyebab kepada kedua-dua masalah berkenaan.

"Nisbah kawasan lapang yang seimbang dengan kepadatan penduduk hendaklah diwajibkan," titah baginda pada persidangan ke-179 Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIP) di sini.

Terdahulu, baginda menyampaikan watakah pelantikan kepada empat anggota MAIP yang baru dan watakah lanjutan tempoh bagi jawatan Setiausaha MAIP yang disandang oleh Datuk Dr Syed Omar Sharifuddin Syed Ikhsan.

Baginda bertitah hari ini pertimbangan komersil lebih diutamakan tanpa menghiraukan kesan negatif yang boleh merosakkan alam sekitar, di mana banyak pokok telah ditumbangkan susulan kepada pelbagai kegiatan ekonomi untuk tujuan pembalakan, perlombongan, kuari, pembangunan industri, perumahan dan pembinaan prasarana.

Oleh yang demikian, baginda baginda mahu kerajaan negeri memberikan perhatian serius dan mengadakan pelan tindakan untuk membantu usaha memulihara alam sekitar.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=662014>